

DR. M: KETEPIKAN PERJUANGAN SEMPIT

kan dan disiplin. **UM 31 AUG 1990**
"Justeru itu, kita perlu berusaha dengan sungguh-sungguh lagi untuk memberi makna kepada kemerdekaan negara dan kepada diri kita sendiri," katanya.
Jika dibandingkan dengan negara-negara maju, Malaysia masih menghadapi beberapa kekurangan termasuk pengetahuan mengenai teknologi tinggi dan cara menggunakannya, katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata etika kerja masih boleh diperbaiki oleh rakyat dan demikian juga produktiviti mereka.
Perdana Menteri membandingkan sikap sesetengah pihak yang masih tidak yakin akan kemampuan negara mencapai matlamat yang ditujukan walaupun kerajaan telah berjaya dengan cemerlang melaksanakan projek-projek pembangunan negara.

Beliau memberi contoh dasar perindustrian negara yang berjaya dengan jelasnya.
"Jika dahulu pelaburan berjumlah berpuluh juta ringgit setahun, hari ini dalam setengah tahun pertama 1990, cadangan pelaburan berjumlah \$23,000 juta dan kilang-kilang terdapat di seluruh negara dengan peluang pekerjaan yang banyak untuk rakyat," kata

"Jika kita kata bahawa kita akan pastikan lagi pembangunan dan kemajuan Malaysia, kemungkinan kita dapat berbuat demikian adalah besar," katanva.

Di samping itu, katanya, kerajaan telah dapat mengurangkan kemiskinan manakala rakyat di kawasan-kawasan luar bandar telah menikmati taraf hidup yang lebih baik.

"Mereka yang dahulunya tidak mendapat apa-apa kemudahan, kini telah menikmati apa yang dahulu hanya diicipi oleh penduduk bandar sahaja termasuk bekalan elektrik, air, sekolah, klinik dan kemudahan lain," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menggariskan beberapa faktor yang membawa kejayaan kepada Malaysia termasuk amalan demokrasi, perpaduan kaum dari pentadbiran yang cekap dan berkesan serta kesanggupan rakyat menyertai polis dan tentera untuk mempertahankan negara.

Untuk menentukan faktor-faktor itu membawa hasil yang baik, sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan cekap adalah perlu dan keperluan ini jelas telah dipenuhi di Malaysia, katanya. — Bernama.

Dr. M: Ketepikan perjuangan sempit untuk masa depan

UM 31 AUG 1990
KUALA LUMPUR 30 Ogos — Rakyat hendaklah mengeneipkan perjuangan yang sempit untuk menumpukan masa dan tenaga kepada perjuangan memajukan lagi negara, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Hanya apabila negara mencapai kemajuan sahaja, barulah rakyat akan mendapat bahagian yang bermakna bagi diri mereka, kata Perdana Menteri dan menambah, jika keamanan dan pembangunan tidak wujud, tidak ada apa yang hendak dibahagi-bahagikan.

"Tidak ada gunanya kita menang sorak tetapi kalah sabung. Kerajaan menerima falsafah ini," kata beliau dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan ke-33 menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Untuk kejayaan bersama, semua rakyat Malaysia hendaklah mempunyai falsafah yang sama, katanya.

"Berjaya Malaysia bererti berbahagialah rakyatnya," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Sesuai dengan tema Hari Kebangsaan tahun ini iaitu *Berjaya* beliau berkata semua pihak hendaklah berusaha supaya apa juga yang dilakukan akan berjaya dan sanggup bekerja dengan lebih berdisiplin dan lebih kuat lagi untuk meningkatkan produktiviti negara supaya ekonomi negara lebih kukuh.

Katanya, rakyat juga mestilah mempunyai keyakinan terhadap kemampuan mereka mengatasi cabaran masa depan.

Beliau berkata amatlah penting bagi rakyat menolak segala kegiatan yang boleh mengancam keamanan dan keharmonian yang terdapat di negara ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat bahawa sejarah telah membuktikan banyak negara dan masyarakat yang maju akhirnya menjadi mundur dan tidak stabil disebabkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Apabila rasuah begitu berleluasa, pentadbiran dan masyarakat akan terganggu. Apabila ini berlaku setiap usaha membangunkan negara tidak akan dilaksanakan dengan sempurna dan menyebabkan pentadbiran menjadi lemah, ekonomi merosot dan rakyat menderita.

"Kita seharusnya belajar daripada sejarah dan pengalaman-pengalaman ini supaya kita tidak mengalami nasib yang sama," tegasnya.

Justeru itu, setiap anggota masyarakat daripada pemimpin kerajaan, ketua eksekutif sektor swasta, kakitangan kerajaan, peniaga, pekerja dan rakyat keseluruhannya haruslah menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing berpandukan sifat-sifat amanah dan tanggungjawab yang tinggi, katanya.

Beliau menambah kata, adalah penting pemimpin-pemimpin dalam apa jua organisasi menunjukkan teladan yang baik kepada kakitangan yang lain.

Begitu juga, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, generasi muda haruslah dipupuk dengan semangat dan nilai-nilai yang meletakkan sifat amanah dan bertanggungjawab di tahap yang tertinggi sekali dalam kehidupan dan tindakan mereka.

Kejayaan yang dicapai oleh negara setakat ini tidak datang dengan sendirinya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir dan menambah, ia perlu diusahakan lagi dengan te-

LIHAT MUKA 2